

BAB 5

PERBANDINGAN PENYELESAIAN MENURUT EKONOMI KONVENTSIONAL DAN EKONOMI ISLAM

5.0 PENDAHULUAN

Kitaran ekonomi dunia seperti tidak dapat lari daripada berlakunya krisis yang mampu menggugat pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pada dekad 90an sahaja, dunia menyaksikan tiga krisis kewangan berlaku yang bermula dengan krisis di Eropah pada tahun 1992-1993, diikuti oleh Amerika Latin pada tahun 1994-1995 dan yang terbaru ialah krisis kewangan Asia pada tahun 1997-1998. Krisis kewangan yang melanda Asia telah menyebabkan kejatuhan yang teruk ke atas mata wang negara-negara terbabit sehingga membawa kemerosotan ekonomi yang paling teruk di rantau Asia.

Oleh sebab itu, krisis kewangan yang berlaku telah menimbulkan pelbagai persoalan mengenai sistem ekonomi Kapitalisme yang diamalkan oleh kebanyakan negara di dunia kini. Persoalan sama ada nilai dalam sistem ekonomi pasaran (kapitalis) telah mengundang pelbagai masalah kepada pengurusan ekonomi hari ini dan jika ini yang berlaku apakah alternatif baru memandangkan sistem ini dikatakan sebagai sistem ekonomi yang terbaik di dunia setelah kegagalan sistem ekonomi Sosialis dan Komunisme. Apa yang diperdebatkan sekarang ialah sama ada alternatif itu merupakan sistem ekonomi Islam yang memang terkenal satu masa dahulu sebagai sistem yang efektif dalam pengurusan ekonomi sebelum digantikan dengan doktrin ekonomi berteraskan Kapitalisme dan Komunisme menjelang millennium kedua ketamadunan barat. Situasi ini

telah mendorong masyarakat dunia menilai dan menaksirkan semula sistem ekonomi yang ada masa sekarang di samping alternatif-alternatif yang ada selain dari sistem yang sedia ada kini.

5.1 PERBANDINGAN PENDEKATAN PENYELESAIAN

Bab sebelum ini telah membincangkan secara khusus mengenai penyelesaian masalah kejatuhan mata wang menurut perspektif ekonomi konvensional dan ekonomi Islam. Bahagian ini cuba membuat perbandingan pendekatan penyelesaian antara dua sistem ini. Bahagian ini lebih menekankan pendekatan secara Islam untuk dibandingkan dengan ekonomi konvensional memandangkan Malaysia bukanlah negara yang menjalankan sistem ekonomi Islam secara menyeluruh.

5.1.1 Penggunaan Dinar Emas dan Dominasi Dolar Amerika Syarikat

Permainan spekulator dalam memanipulasi mata wang negara-negara Asia telah menyebabkan nilai kadar tukaran mata wang tersebut berbanding Dolar Amerika telah merosot dengan teruk sekali. Bagi Malaysia sendiri, kerajaan terpaksa memperkenalkan Kadar Tukaran Wang Terpilih untuk mengawal kedudukan Ringgit berbanding Dolar Amerika. Lanjutan daripada krisis itu, sistem ekonomi Islam telah menggariskan satu alternatif baru kepada Dolar iaitu penggunaan Dinar emas sebagai mata wang untuk perdagangan antarabangsa.

Dinar emas diperkenalkan bagi memecahkan monopoli Dolar sebagai mata wang antarabangsa.

Secara umumnya, sesuatu mata wang yang digolongkan sebagai mata wang antarabangsa mestilah berupaya memenuhi fungsi-fungsi asas wang di peringkat antarabangsa dan diterima oleh orang ramai di luar negara pengeluar mata wang tersebut. Mata wang yang dicirikan sebagai mata wang antarabangsa haruslah memenuhi beberapa syarat utama iaitu¹:

- 1) Mata wang antarabangsa perlu mempunyai nilai dalaman yang stabil iaitu sesuatu mata wang itu tidak mengalami volatiliti turun naik yang besar dalam satu-satu jangka masa yang singkat. Ketidakstabilan dalam nilai mata wang tersebut boleh menghilangkan kenyakinan pelabur antarabangsa untuk menyimpan nilai mata wang tersebut.
- 2) Negara pengeluar mata wang tersebut memiliki sebuah pasaran kewangan yang moden dan cekap (Salvatore 1999, Mc Cauley 1997). Kewujudan sistem kewangan yang utuh di negara pengeluar akan menggalakkan penggunaan mata wang di peringkat antarabangsa secara meluas.
- 3) Kedudukan dominan negara pengeluar dalam perdagangan dan kewangan antarabangsa juga menjadi faktor penentu penggunaan sesuatu mata wang sebagai mata wang antarabangsa. Logik akal menyatakan bahawa semakin besar jumlah eksport sesebuah

¹ Ahmad Zafarullah Abd. Jalil, Mukaramah Harun, Euro sebagai Mata Wang Antarabangsa, Pemikir Julai-September 2003, hlm: 62

negara itu, semakin besar kemungkinan mata wang negara itu digunakan sebagai mata wang antarabangsa.

Dengan itu, berdasarkan syarat di atas, tidak semua mata wang boleh digolongkan sebagai mata wang antarabangsa. Ini menjelaskan buat masa sekarang Dolar Amerika adalah mata wang antarabangsa utama berikutan kemampuannya berindak sebagai unit akaun², alat penyimpan nilai³ dan perantaraan pertukaran dalam transaksi di peringkat antarabangsa. Buktinya, sebagai unit akaun, pada tahun 1992, Dolar Amerika telah mendominasi nilai dagangan antarabangsa iaitu 3.6 kali ganda nilai dagangan Amerika Syarikat berbanding Franc Perancis 1.4 kali ganda, Pound Sterling 1 kali ganda dan Yen Jepun, Lira Itali dan Guilder Belanda masing-masing di antara 0.6-0.8 kali ganda nilai dagangan antarabangsa. Ini bermakna, dagangan antara negara yang tidak melibatkan Amerika juga menggunakan mata wang Dolar Amerika. Malah, dalam kes Yen juga nilai Dolar Amerika digunakan secara meluas sebagai mata wang dagangan antara Jepun dengan negara-negara lain Asia Timur berbanding Yen (Mc Kinnon et al 2002).

Disebabkan kebergantungan yang tinggi kepada Dolar dan impak buruk dari krisis kewangan baru-baru ini, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meluahkan saranannya supaya dunia diberi pilihan menggunakan mata wang lain seperti Euro, Yen, dan Dinar Emas. Beliau juga berkata yang pilihan menggunakan mata wang lain harus diberi memandangkan

² Wang sebagai unit akaun diperingkat antarabangsa bermakna mata wang tersebut digunakan untuk menyatakan harga barang yang dieksport dan diimport.

³ Wang sebagai alat penyimpan nilai di peringkat antarabangsa bermakna kesudian pihak syarikat, kerajaan dan individu untuk memegang asset dan liabiliti dalam mata wang tersebut

tiada ada apa-apa yang menyokong nilai Dolar Amerika melainkan kepercayaan yang berlebihan daripada masyarakat terhadap kekebalan mata wang itu.

Menurutnya lagi, penggunaan Dolar Amerika boleh menjelaskan kestabilan ekonomi sedunia memandangkan nilai mata wang utama itu tidak lagi disandarkan pada rizab emas negara berkenaan. Malah, beliau juga berpendapat yang penggunaan satu mata wang boleh mengundang kepada kegiatan manipulasi mata wang terutama apabila sesebuah negara itu hanya mempunyai satu mata wang sahaja sebagai tanda aras (benchmark). Buktinya dapat dilihat dalam krisis kewangan Asia yang berlaku baru-baru ini di mana akibat kebergantungan yang tinggi terhadap Dolar Amerika, nilai mata wang negara-negara Asia seperti Malaysia, Indonesia, dan Thailand jatuh ke tahap yang cukup rendah.

Lanjutan itu, timbul persoalan tentang kekuahan dan kestabilan Dolar di samping kembali kepada penggunaan wang Dinar sebagai mata wang antarabangsa iaitu alternatif kepada dominasi Dolar Amerika dalam pasaran antarabangsa. Adakah nilai Dolar merupakan nilai wang yang stabil? Adakah Dinar emas mampu menggantikan tempat Dolar sebagai mata wang bagi perdagangan antarabangsa? Apakah nilai yang ada pada Dinar yang tidak ada pada wang Fiat (Dolar)?

Jika dikaji, Dolar Amerika adalah mata wang yang tidak terjamin kestabilannya memandangkan ia terpengaruh dengan turun naik kadar inflasi dan mengundang kepada perbuatan spekulasi dalam pasaran wang sehingga mampu mempengaruhi jumlah permintaan dan penawaran Dolar. Dolar merupakan sebahagian dari wang Fiat yang nilainya bergantung kepada kepercayaan dan

pengakuan sesebuah negara ke atas nilai itu. Selain terdedah kepada unsur spekulasi, riba dan perjudian, Dolar juga tidak mempunyai nilai intrinsik. Sedangkan wang Dinar adalah wang nyata yang dijamin oleh dirinya sendiri sebagai logam dan juga dipercayai tidak akan menimbulkan inflasi.

Penggunaan wang Dinar sebagai mata wang antarabangsa mempunyai keistimewaan tersendiri yang tidak ada pada wang Fiat (diwakili Dolar Amerika) iaitu ia tidak mungkin boleh dimanipulasikan oleh mana-mana spekulator atau mana-mana lembaga kewangan antarabangsa berikutan nilainya tidak tertakhlik kepada hukum ekonomi sebagaimana yang digambarkan oleh keluk permintaan dan penawaran seperti barang niaga yang lain. Malah, wang Dinar mempunyai harga yang stabil dan tidak mengalami volatiliti yang cepat seperti mana wang Fiat. Buktinya, dalam tempoh 1988-1997, dunia mengalami defisit emas sebanyak purata 319 tan setahun, tetapi harganya tetap stabil. Malah, walaupun dunia mengalami defisit emas sebanyak 348% dalam tempoh 1994-1997, harganya cuma menurun 14% sahaja. Selain itu, harga emas adalah khusus bagi setiap negara dan mata wang. Ini bermakna, sekiranya harga emas dalam Dolar Amerika meningkat, ia tidak bererti juga naik dalam mata wang lain.

Jika diteliti lagi, wang Dinar mempunyai banyak kelebihannya. Apa yang dapat dirumuskan ialah nilai Dinar tidak dipengaruhi oleh hukum permintaan dan penawaran, nilainya yang tidak berubah didapati akan menghalang kegiatan spekulasi di pasaran, kebal daripada inflasi dan tidak dipengaruhi oleh kadar bunga. Malah, jika di buat perbandingan antara wang Dinar, Dolar dan Euro, didapati Dinar disokong oleh emas (nilai intrinsiknya 100%), sedangkan Dolar

sama sekali tidak disandarkan pada emas (nilai intrinsiknya zero) dan Euro disokong 20% oleh Emas. Oleh itu, sebagai wang yang bebas riba, kestabilan Dinar akan merancakkan aktiviti perdagangan dan menstabilkan sistem kewangan negara yang menggunakannya⁴.

Selain daripada penggunaan Dinar, kini masyarakat mula mengalih perhatian kepada mata wang Euro yang disebut-sebut sebagai pesaing kepada Dolar Amerika sebagai mata wang antarabangsa sekiranya, ia juga mendapat kepercayaan yang tinggi daripada masyarakat sebagaimana Dolar. Kesungguhan Kesatuan Eropah dalam menjadikan Euro sebagai mata wang dunia dapat dilihat kepada usahanya memelihara ketsabilan nilai Euro melalui pemantauan kadar infalsi dengan bantuan daripada Bank Pusat, European Central Bank. Malah, penggunaan mata wang Euro telah menjadikan pasaran kewangan Eropah lebih cekap melalui penghapusan kos transaksi, risiko pertukaran asing serta penghapusan halangan teknikal dan undang-undang. Selain itu, rantau itu juga mempunyai jumlah perdagangan antara yang terbesar di dunia dari segi nilai⁵.

Nilai Euro dikategorikan sebagai nilai mata wang yang mempunyai kestabilan yang tinggi. Buktinya, Hartmann (1996) berpendapat bahawa faktor yang memperkuuhkan mata wang ini sebagai mata wang dunia ialah kedudukan Euro itu sendiri sebagai pengeksport utama dunia dan juga kestabilan harga di bawah pengawalan Bank Pusat Eropah. Menurutnya lagi, apa yang penting bagi

⁴ Muhammad Shabri Abd. Majid, Mendaulatkan Dinar, Dirham Sebagai Mata Wang Islam, Berita Harian, 8 Julai 2003

⁵ Ahmad Zafarullah Abd. Jalil dan Mukaramah Harun, Euro sebagai mata wang antarabangsa, Primikir Julai- Sept 2003, hlmn: 64.

mata wang yang dilabelkan sebagai mata wang dunia ialah menjadi pilihan pengeksport dan pengimport.

Jadual 17
Komposisi Pegangan Rizab Asing oleh Bank-bank Pusat Pada Akhir Tahun (%)

	1991	1994	1996	1998	1999	2000
Semua Negara						
AS\$	51.3	56.6	60.3	65.9	68.4	68.2
Euro	-	-	-	-	12.5	12.7
Yen	8.5	7.9	6	5.4	5.5	5.3
GBP	3.3	3.3	3.4	3.9	4	3.9
CHF	1.2	0.9	0.8	0.7	0.7	0.7
Negara-negara maju						
AS\$	43.6	50.8	56.1	66.7	73.5	73.3
Euro	-	-	-	-	10.7	10.2
Yen	9.7	8.2	5.6	6.6	6.5	6.5
GBP	1.8	2.3	2	2.2	2.3	2
CHF	0.8	0.2	0.1	0.2	0.1	0.2
Negara-negara Membangun						
AS\$	63.3	63	64.4	65.3	64.6	64.3
Euro	-	-	-	-	13.9	14.6
Yen	6.7	7.6	6.5	4.5	4.7	4.4
GBP	5.5	4.4	4.8	5.2	5.3	5.2
CHF	1.8	1.7	1.4	1.1	1.1	1.1

Sumber: Pemikir, Julai-September 2003

Selain itu, jika ditinjau kepada komposisi mata wang yang dipegang sebagai rizab asing oleh Bank-bank Pusat di seluruh dunia, Euro menunjukkan prestasi dan peningkatan yang baik berbanding dengan mata wang yang lain walaupun ia masih didominasikan oleh Dolar Amerika (rujuk Jadual 17). Jika dinilai berpandukan Jadual 17, dalam tempoh 1991-2000, komposisi pegangan rizab asing oleh bank pusat ke atas mata wang Dolar Amerika bagi semua negara masih tinggi dengan peningkatan kepada 68.2%. Namun, dalam tempoh dua tahun sahaja iaitu 1999-2000, simpanan rizab asing dalam mata wang Euro telah mencecah 13%. Malah, komposisi pegangan rizab asing yang dipegang oleh negara-negara pembangun dalam mata wang Euro dalam tempoh yang sama

hampir mencecah 15%. Ia merupakan satu perkembangan yang positif kepada mata wang Euro dalam memperkuuhkan kedudukannya sebagai mata wang antarabangsa. Namun, bagi negara-negara maju, bahagian Dolar Amerika dalam komposisi rizab asing yang dipegang oleh Bank-bank Pusat negara maju masih tinggi dan mencapai 74% pada 2000.

Jadual 18
Nilai Semasa Sekuriti Antarabangsa (Bon, Nota dan Alat Kewangan
Pasaran Wang

Mata Wang	Dis.99		Dis.00		Dis.01		Mac.02	
	AS\$bil.	%	AS\$bil.	%	AS\$bil.	%	AS\$bil.	%
Mata Wang								
Jumlah	5226.1	100	5879.4	100	6839.1	100	7025.3	100
AS\$	2433.4	46.6	2911.4	49.5	3465.6	50.7	3586.7	51.1
Euro	1512.1	28.9	1771	30.1	2170.2	31.7	2242.3	31.9
Yen	528	10.1	454.7	7.7	409.1	6.0	389.4	5.5
GBP	NA	-	453.1	7.7	505.3	7.4	503.3	7.2
CHF	143.8	2.8	132	2.2	123.5	1.8	127.3	1.8
Lain-lain	164	3.1	157.2	2.7	165.4	2.4	176.3	2.5

Sumber: Pemikir Julai-September 2003

Jika dirujuk pada Jadual 18 pula, jumlah semasa sekuriti antarabangsa yang didominasi dalam mata wang Euro telah meningkat kepada AS\$2,242.3 bilion pada Mac-2002. Jumlah semasa sekuriti antarabangsa yang didominasi dalam Dolar Amerika juga turut mengalami peningkatan seperti Euro iaitu kepada AS\$3,586.7 bilion pada Mac-2002. Walaubagaimana pun, jika dihalusi didapati peningkatan dalam dominasi Euro terhadap jumlah semasa bon dan nota disebabkan oleh penurunan dalam dominasi mata wang lain dan bukannya Dolar Amerika. Buktinya, berlaku penurunan dalam dominasi Yen yang ketara dari AS\$454.7 bilion pada Dis-2000 kepada hanya AS\$389.4 bilion pada Mac 2002.

Oleh sebab itu, dapat dirumuskan bahawa, pengurangan dalam pendominasian Dolar dalam dagangan antarabangsa merupakan satu pekara yang agak sukar terjadi dan memerlukan kerjasama yang padu daripada semua negara lain dan entiti ekonomi yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa. Menurut ahli-ahli ekonomi, Euro dan Dinar hanya akan diterima umum apabila ia dikenali di persada antarabangsa sebagai mata wang yang stabil dan kukuh nilainya. Maka, agak sukar untuk kita menentukan kedudukan mata wang Euro dan Dinar di pasaran antarabangsa pada masa akan datang memandangkan masyarakat dunia kini masih meletakkan nilai yang tinggi kepada Dolar Amerika.

5.1.2) Perbankan Islam dan Perbankan Konvensional

Sistem perbankan Islam merupakan salah satu alternatif kepada sistem perbankan konvensional. Krisis kewangan Asia telah mendedahkan kelemahan yang wujud dalam sistem perbankan konvensional. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) walaupun baru ‘setahun jagung’ mampu menguruskan dirinya sewaktu krisis ekonomi berlaku. Ini menunjukkan sistem perbankan Islam mempunyai kelebihannya yang tersendiri berbanding perbankan konvensional (rujuk Rajah 6). Perbezaan utama di antara kedua-dua sistem ini ialah sistem perbankan konvensional mengamalkan penggunaan riba (kadar faedah) dalam bentuk pulangan dan kepada pelaburan dan simpanan sementara sistem perbankan Islam lebih mementingkan konsep perkongsian untung dan rugi (rujuk Rajah 7).

Rajah 6
Perbezaan SPTF(Perbankan Islam) dengan Sistem Konvensional

Skim Tanpa Faedah	Sistem Konvensional
Keseluruhan operasi berasaskan prinsip untuk mendapat keredhaan	Operasi berasaskan sistem ekonomi kapitalis Bebas untuk memperolehi keuntungan maksimum
Aktiviti perniagaan berasaskan prinsip perniagaan dan pembiayaan Islam yang tidak menggunakan faedah (bunga)	Aktiviti utama perniagaan berasaskan penerimaan deposit dan pemberian pinjaman yang mengenakan kadar bunga (faedah)
Sumber pendapatan operasi berasaskan keuntungan perniagaan	Sumber pendapatan utama berasaskan faedah yang dikenakan ke atas pinjaman
Pelanggan yang mendapat kemudahan pembiayaan dikenakan bayaran perkhidmatan dan perkongsian keuntungan	Pelanggan yang mendapat kemudahan pinjaman dikenakan kadar faedah
Jumlah bayaran balik tidak berubah sebagaimana yang telah dipersetujui	Jumlah bayaran balik pinjaman berubah mengikut perubahan kadar faedah

Sumber: Surtahman Kastin Hassan, Prof Madya Dr. Abd. Ghafar Ismail, 2000

Rajah 7
Perbezaan antara pembahagian untung dan pemberian bunga (faedah)

Bunga (interest)	Untung (profit)
Penentuan bunga dibuat ketika akad tanpa berdasarkan kepada untung dan rugi	Penentuan bahagian untung dibuat ketika akad berdasarkan kepada untung dan rugi
Peratusan kadar bunga berdasarkan kepada jumlah wang (modal) yang terlibat	Peratusan pembahagian untung berdasarkan jumlah keuntungan yang telah dicapai
Pembayaran bunga tetap seperti yang dijanjikan tanpa diperhitungkan keuntungan atau kerugian projek yang dijalankan oleh pihak kedua/pihak yang mendapatkan pembiayaan atau pinjaman	Projek yang dijalankan, jika projek mengalami kerugian atau tidak mendapat keuntungan, maka risikonya ditanggung bersama
Jumlah kadar pembayaran bunga tidak meningkat sekalipun jumlah keuntungan berlipat ganda	Jumlah kadar pemberian untung meningkat sesuai dengan peningkatan jumlah keuntungan yang diperolehi dari projek tersebut
Pengambilan/pembayaran bunga adalah haram	Penerimaan/pembahagian keuntungan adalah halal

Sumber: Muhammad Kamal Azhari, 1993

Jika diteliti sistem perbankan Islam dan perbankan konvensional, kedua-duanya menerima impak yang buruk akibat krisis kewangan. Namun, jika dilihat kepada unsur-unsur tertentu seperti aset dan deposit serta status kewangan bank,

didapati sistem pengurusan perbankan Islam lebih efektif dalam menangani impak buruk krisis kewangan baru-baru ini.

Jadual 19
Aset dan Deposit BIMB dan perbankan konvensional (%) pertumbuhan)

Tahun	Aset		Deposit	
	BIMB	Bank Perdagangan	BIMB	Bank Perdagangan
1994	51.2	623	44.0	631.5
1995	-	35	5.1	19.3
1996	22.0	79.2	19.6	52.8
1997	31.3	148.5	-1.8	108.4
1998	9.5	30.4	25.3	63.9
Jun 1999	23.5	66.3	40.2	67.7

Sumber: Bank Negara Malaysia, 1999

Hasil daripada penelitian pada Jadual 19, didapati perbankan konvensional begitu terdedah kepada volatiliti yang tidak stabil dari segi aset dan deposit berbanding BIMB. Ini menjelaskan yang perbankan konvensional amat sensitif terhadap pasaran dan persekitaran ekonomi. Sebaliknya, perbankan Islam mengalami volatiliti yang rendah dalam aset dan depositnya. Pada awal krisis iaitu pada tahun 1997, peratus pertumbuhan bagi aset BIMB ialah 31.3%. Namun, kadar pertumbuhannya jatuh kepada 9.5% pada tahun 1998. Walaubagaimana pun, selepas krisis iaitu pada Jun 1999, peratus pertumbuhan aset BIMB meningkat semula kepada 23.5% dengan jumlah aset terkumpul sebanyak RM7039 juta. Jika dibandingkan nilai aset dalam bank perdagangan, didapati bank perdagangan mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi pada tahun 1997 iaitu sebanyak 148.5%. Walaubagaimana pun, bank perdagangan terus mengalami penurunan dalam kadar pertumbuhan aset hanya 30.4% sahaja pada tahun 1998 sebelum mengalami peningkatan pada Jun 1999 dengan kadar pertumbuhan

sebanyak 66.3%. Walaubagaimana pun, jika penilaian dibuat berdasarkan kepada kadar peratusan pertumbuhan dalam tempoh 1997- Jun 1999, didapati aset BIMB hanya merosot sebanyak 7.8% sahaja berbanding Bank perdagangan yang merosot sebanyak 82%.

Selain itu, jika dilihat kepada kadar pertumbuhan deposit pula, BIMB menunjukkan peratus pertumbuhan yang cukup memberangsangkan memandangkan daripada -1.8% pada tahun 1997, nilai pertumbuhan depositnya terus meningkat selepas krisis kepada 40.2% pada Jun 1999. Namun, situasi ini, tidak dapat dilihat dalam pertumbuhan deposit bank perdagangan di mana ia hanya mengalami peningkatan yang kecil iaitu 3.8% sahaja dalam tempoh 1998-1999. Ketidakstabilan dalam jumlah aset dan deposit dalam bank perdagangan boleh menimbulkan masalah '*Bank Run*' akibat ketidakupayaan dalam menguruskan aset dan modal bank. Situasi ini akan menghilangkan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan bank ke atas aset kewangan mereka. Pelanggan akan berpusu-pusu mengeluarkan deposit mereka dari bank dan ini akan terus memburukkan ekonomi negara lagi memandangkan bank merupakan penyalur dana utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Selain itu, tidak dapat dinafikan kedua-dua sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional mempunyai masalah NPL yang tinggi sehingga kerajaan terpaksa menyusun semula sektor perbankan negara. Di sini, sekali lagi kita dapat lihat kelebihan yang ada pada Bank Islam di mana ia hanya mengalami proses penstrukturran semula tanpa mengalami penggabungan seperti perbankan konvensional. Dalam proses penstrukturran semula, BIMB telah diperbadankan

dan mengalami pertukaran saham BIMB kepada BIMB Holding pada 22/8/97. Kesan penstruktur semula BIMB ditunjukkan dalam Rajah 8. Sebelum mengalami penstruktur semula, BIMB mempunyai beberapa subsidiari iaitu Al-Ijarah dengan pegangan ekuiti oleh bank sebanyak 100%, Al-Wakalah (100%), Syarikat Takaful (70.12%), BIMB Islamic Trust Labuan (100%), BIMB Unit Trust (100%), BS Holdings (100%), dan BIRT (100%). Di bawah BS Holdings pula mempunyai BIMB Security dengan pegangan ekuiti 70% dan di bawah BIMB Securities terdapat BIMSEC Nominees asing dan tempatan dengan pegangan ekuiti 100% dipegang oleh BIMB Securities.

Selepas penstruktur semula, 5 organisasi diwujudkan di bawah BIMB Holdings yang mengkhusus bidang-bidang seperti berikut:

- Bahagian Perbankan

BIMB telah menjadi salah satu subsidiari BIMB Holdings di mana 100% dipegang oleh BIMB Holding. Hanya ada empat subsidiari di bawahnya seperti Bank Islam Limited, BIMB Islamic Trust Labuan, Al-Wakalah dan BIMB Unit Trust dengan BIMB memegang ekuiti sebanyak 100% masing-masing.

- Bahagian Takaful

Terdapat Syarikat Takaful dengan BIMB Holdings memegang ekuiti sebanyak 70.12%. Terdapat subsidiari yang dikenali Asean Retakaful dengan syarikat Takaful memegang ekuiti 100%.

- Bahagian Pasaran Modal

BS (Holdings) menguruskan bahagian pasaran modal dengan 100% pegangan ekuiti dipegang oleh BIMB Holdings. BS Holdings mempunyai subsidiari iaitu BIMB Securities dengan pegangan ekuiti sebanyak 70%.

- Bahagian Harta


Al-Ijarah mengurus bahagian harta dengan pegangan ekuiti sebanyak 100%.

Akhirnya, setelah mengalami penstrukturran semula, modal berbayar BIMB Holdings meningkat kepada RM560 juta dengan dana pemegang saham juga meningkat kepada 1.2 bilion. Selain itu, BIMB telah menerima suntikan modal sebanyak RM646 juta dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan bank. Malah, nisbah kecukupan modal (CAR) bank Islam telah meningkat kepada 28% berbanding 11.2% sebelum berlakunya kegawatan ekonomi.

Situasi ini berbeza dalam sistem perbankan konvensional yang terpaksa menjalani penggabungan bank akibat NPL yang tinggi dan kekurangan kecairan yang akan menggugat kedudukan aset dan modal bank. Bagi memastikan proses penggabungan bank ini berjaya, kerajaan terpaksa mengurangkan jumlah pinjaman di pasaran sehingga menggugat aktiviti pembangunan ekonomi negara. Maka, jelaslah bahawa sistem perbankan Islam adalah lebih stabil walaupun baru sahaja ditubuhkan berbanding bank perdagangan yang lain yang telah lama beroperasi dalam pasaran kewangan negara. Maka, sistem perbankan Islam

mampu menghalang daripada berlakunya krisis kewangan kerana salah satu punca krisis adalah kelemahan dalam sektor perbankan.

Rajah 8
Penyusunan Semula Sistem Perbankan Islam



Sumber: Laporan Tahunan BIMB 1997

5.1.3) Pasaran Wang Dan Modal Secara Islam

Seperti yang kita ketahui, pasaran wang dan modal secara Islam merupakan pasaran yang masih baru berbanding dengan pasaran wang dan modal konvensional. Walaubagaimana pun, ia mampu bersaing dengan pasaran wang dan modal konvensional berdasarkan prestasi yang ditunjukkannya sebelum dan selepas berlakunya krisis.

Jadual 20
Jumlah Instrumen Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam dan
Konvensional (RM Juta)

Tahun	Islam	Konvensional
1995	9.8	142.4
1996	48.7	182.3
1997	134.0	187.0
1998	115.4	171.6
Jun 1999	238.0	127.9

Sumber: Dr. Abdul Ghafar Ismail , 2000
Bank Negara Malaysia, 1999

Berdasarkan Jadual 20, kedua-dua pasaran menunjukkan peningkatan yang cukup memberangsangkan terutamanya pasaran wang secara Islam. Dengan hanya RM9.8 juta pasaran ini terus berkembang sehingga mencapai jumlah urus niaga sebanyak RM134.0 juta. Begitu juga dalam pasaran wang konvensional yang terus menunjukkan peningkatan sehingga tahun 1997. Walaubagaimana pun, kedua-dua pasaran menunjukkan penurunan urus niaga pada tahun 1998 akibat krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia.

Namun, pasaran wang secara Islam telah melonjak dengan begitu drastik selepas krisis kewangan pada 6 bulan pertama tahun 1999 dengan jumlah urus

niaga sebanyak RM238 juta. Ia merupakan satu peningkatan yang cukup tinggi yang belum pernah dicapai sebelum ini. Sebaliknya, pasaran wang konvensional terus menunjukkan penurunan selepas krisis dengan hanya jumlah urus niaga sebanyak RM127.9 juta sahaja. Situasi ini jelas menunjukkan yang pasaran secara Islam lebih stabil dan dipercayai ramai kerana pasaran ini tidak terdedah kepada aktiviti spekulasi seperti mana pasaran wang konvensional.

Situasi yang sama juga berlaku dalam pasaran modal secara Islam di mana pasaran menunjukkan peningkatan yang cukup memberangsangkan. Sehingga akhir bulan Jun 1999, Sekuriti Hutang Islam (SHI) telah terkumpul sebanyak RM7.1 bilion. Malah, SHI telah menguasai pasaran sebanyak 20.4% pada jumlah baki terkumpul Sekuriti Hutang Swasta pada akhir bulan Jun 1999. Sementara dalam pasaran modal konvensional pula, jumlah terkumpul Sekuriti Hutang Swasta sebanyak RM18.7 bilion. Maka, situasi ini jelas menunjukkan yang pasaran wang dan modal secara Islam mampu bergerak lebih maju dalam membangunkan ekonomi negara setanding dengan pasaran wang dan modal konvensional. Malah, pasaran wang dan modal secara Islam lebih stabil memandangkan tiada unsur spekulasi untuk mengaut keuntungan yang lebih dalam pasaran ini.

5.2 KESIMPULAN

Berdasarkan penghuraian yang telah dibuat, sistem ekonomi Islam yang menggariskan beberapa pendekatan tertentu yang bersifat ‘mencegah daripada merawat’ mampu menyelesaikan masalah kewangan yang melanda negara-negara Asia baru-baru ini. Malah, adalah tidak mustahil sekiranya kita mengamalkan sistem ekonomi Islam, krisis yang berlaku ini dapat dielakkan memandangkan kunci utama kepada berlakunya krisis ini ialah sistem nilai dalam ekonomi konvensional yang lebih mementingkan kebendaan sehingga membawa spekulasi yang melampau dalam pasaran tukaran wang asing.

Namun, ini tidak bermakna bahawa sistem ekonomi Kapitalis adalah sistem yang teruk memandangkan ia berjaya memajukan negara-negara tertentu seperti Amerika Syarikat, Hong Kong, dan Britain sebelum ini. Sebaliknya, pengamal sistem sepatutnya mengkaji kelemahan-kelemahan yang ada dalam sistem nilainya bagi mengatasi segala kekurangan yang ada dalam sistem ini.

Rajah 6
Perbezaan SPTF(Perbankan Islam) dengan Sistem Konvensional

Skim Tanpa Faedah	Sistem Konvensional
Keseluruhan operasi berasaskan prinsip untuk mendapat keredhaan	Operasi berasaskan sistem ekonomi kapitalis Bebas untuk memperolehi keuntungan maksimum
Aktiviti perniagaan berasaskan prinsip perniagaan dan pembiayaan Islam yang tidak menggunakan faedah (bunga)	Aktiviti utama perniagaan berasaskan penerimaan deposit dan pemberian pinjaman yang mengenakan kadar bunga (faedah)
Sumber pendapatan operasi berasaskan keuntungan perniagaan	Sumber pendapatan utama berasaskan faedah yang dikenakan ke atas pinjaman
Pelanggan yang mendapat kemudahan pembiayaan dikenakan bayaran perkhidmatan dan perkongsian keuntungan	Pelanggan yang mendapat kemudahan pinjaman dikenakan kadar faedah
Jumlah bayaran balik tidak berubah sebagaimana yang telah dipersetujui	Jumlah bayaran balik pinjaman berubah mengikut perubahan kadar faedah

Sumber: Surtahman Kastin Hassan, Prof Madya Dr. Abd. Ghafar Ismail, 2000

Rajah 7
Perbezaan antara pembahagian untung dan pemberian bunga (faedah)

Bunga (interest)	Untung (profit)
Penentuan bunga dibuat ketika akad tanpa berdasarkan kepada untung dan rugi	Penentuan bahagian untung dibuat ketika akad berdasarkan kepada untung dan rugi
Peratusan kadar bunga berdasarkan kepada jumlah wang (modal) yang terlibat	Peratusan pembahagian untung berdasarkan jumlah keuntungan yang telah dicapai
Pembayaran bunga tetap seperti yang dijanjikan tanpa diperhitungkan keuntungan atau kerugian projek yang dijalankan oleh pihak kedua/pihak yang mendapatkan pembiayaan atau pinjaman	Projek yang dijalankan, jika projek mengalami kerugian atau tidak mendapat keuntungan, maka risikonya ditanggung bersama
Jumlah kadar pembayaran bunga tidak meningkat sekalipun jumlah keuntungan berlipat ganda	Jumlah kadar pemberian untung meningkat sesuai dengan peningkatan jumlah keuntungan yang diperolehi dari projek tersebut
Pengambilan/pembayaran bunga adalah haram	Penerimaan/pembahagian keuntungan adalah halal

Sumber: Muhammad Kamal Azhari, 1993

Jika diteliti sistem perbankan Islam dan perbankan konvensional, kedua-duanya menerima impak yang buruk akibat krisis kewangan. Namun, jika dilihat kepada unsur-unsur tertentu seperti aset dan deposit serta status kewangan bank,